




**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PERBANDINGAN ASPEK FONOLOGI DAN LEKSIKAL BAHASA  
ORANG ASLI SEMELAI DENGAN BAHASA MELAYU  
UNTUK PELESTARIANNYA***

**AIDA ROHAYU BINTI AZMI**

**FBMK 2015 80**



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

**PERBANDINGAN ASPEK FONOLOGI DAN LEKSIKAL BAHASA  
ORANG ASLI SEMELAI DENGAN BAHASA MELAYU  
UNTUK PELESTARIANNYA**

Oleh

**AIDA ROHAYU BINTI AZMI**

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra Malaysia  
sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**Januari 2015**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PERBANDINGAN ASPEK FONOLOGI DAN LEKSIKAL BAHASA ORANG ASLI  
SEMELAI DENGAN BAHASA MELAYU  
UNTUK PELESTARIANNYA**

Oleh

**AIDA ROHAYU BINTI AZMI**

**Januari 2015**

**Pengerusi: Mohd Sharifudin Bin Yusop, PhD**

**Fakulti: Bahasa Moden Dan Komunikasi**

Masyarakat orang asli terbahagi kepada tiga kelompok yang utama iaitu, kelompok Melayu-Proto, Senoi dan Negrito. Kelompok Senoi merupakan kelompok orang asli yang terbesar, diikuti oleh kelompok Melayu-Proto dan kelompok Negrito. Setiap kelompok orang asli tersebut pula terbahagi kepada suku-suku kaum tertentu. Kaum Semelai kini berjumlah sekitar 1,260 orang yang melibatkan 238 keluarga. Taburan petempatan Orang Asli Semelai terdapat di Pahang Tengah seperti di Tasik Bera, Sg. Bera, Sungai Teriang, Paya Besar dan Paya Badak serta di sempadan Pahang menghala ke Negeri Sembilan seperti di Sg. Serting, Sg. Lui dan Ulu Muar. Namun, kajian ini hanya akan memberi tumpuan kepada suku Semelai yang tergolong di dalam kelompok Melayu-Proto iaitu di Kampung Bukit Gemuruh, Bera, Pahang. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mendokumentasikan bahasa Orang Asli Semelai di mana pendokumentasian ini melibatkan leksikon bahasa Semelai termasuklah menjelaskan sistem bunyi iaitu ciri-ciri fonologi bahasa tersebut berpandukan Senarai Swadesh (*Swadesh List*). Kaedah kajian lapangan digunakan untuk mendapatkan data-data daripada informan yang dipilih berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Kajian ini juga banyak bergantung kepada pemerhatian, penghuraian dan penilaian secara kualitatif. Kajian ini dilakukan berteraskan tiga objektif utama iaitu objektif yang pertama menjelaskan aspek fonologi dan leksikal bahasa Semelai, mencerakinkan kekerabatan bahasa Semelai dan bahasa Melayu dan objektif terakhir iaitu menilai tahap bahasa Semelai berdasarkan gejala penggunaan bahasa tersebut. Data-data yang telah diperolehi daripada informan akan dikodkan mengikut ejaan dan sebutan yang betul seperti dalam sistem IPA (*International Phonetic Alphabet*) dan menggunakan Teori Analisis Kontrastif sebagai panduan. Kajian pendokumentasian bahasa Semelai ini penting kerana bahasa ini berstatus minoriti dan sangat terdedah kepada ancaman kepupusan. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa bahasa Semelai masih digunakan dan dikuasai dengan baik oleh seluruh generasi masyarakat tersebut.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement of the Master of Art

**TO COMPARE THE LEXICAL AND PHONOLOGICAL ASPECTS OF THE SEMELAI TRIBAL LANGUAGE WITH MALAY LANGUAGE FOR MAINTENANCE PURPOSES**

**By**

**AIDA ROHAYU BINTI AZMI**

**January 2015**

**Chairman: Mohd Sharifudin Yusop, PhD**

**Faculty: Modern Language and Communication**

Indigenous people or aboriginal communities are divided into three main groups, namely Malay-Proto, Senoi and Negrito. Senoi tribes are the largest group followed by Malay-Proto and lastly Negrito tribes. The Semelai tribes now stand at about 1260 people representing 238 families. Semelai settlements were placed at Central Pahang such as Tasik Bera, Sg. Bera, Sg. Teriang, Paya Besar and Paya Badak also around Pahang Borders towards Negeri Sembilan such as Sg. Serting, Sg. Lui and Ulu Muar. This study involved only indigenous of Semelai which seeks to language documentation based on language lexicon and explain phonology system of this language. Field research method used to obtain data from informants selected based on specific criteria. This study also depends on the method of observation, interpretation and qualitative evaluation. This study has three main objectives which are to clarify the aspects of phonology and lexical in Semelai language, to digest kinship of Semelai language with Malay language and to assess the level of this language based on its use. The data obtain from informants were coded according to International Phonetic Alphabet system and theoretical analysis contrastive were using as a guide. Documentation is important due to the minority status and extinction threat faced by this language.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi rasa syukur dipanjatkan ke hadrat Illahi kerana dengan izin dari-Nya tesis ini dapat disiapkan dengan sempurna. Justeru, tidak dilupakan juga kepada mereka yang telah banyak berkorban masa dan tenaga, memberi kata-kata nasihat sebagai pemangkin semangat dan kerjasama dan sokongan yang tidak berbelah bahagi.

*Buat penyelia yang telalu banyak membantu,*

***Dr. Haji Mohd Sharifudin Bin Yusop,***

***Dr. Raja Masittah Bt Raja Ariffin***

*Budi dan jasa yang dikau curahkan selama ini  
hanya Allah sahaja yang mampu membalasnya.*

*Buat keluarga tersayang,*

***Ibu Khadijah Bt Hasan,***

***Khairul Nizam Bin Azmi dan Aida Aisyiekin Bt. Azmi,***

*tanpa doa dan semangat dari kalian, diri ini bukanlah sesiapa.*

***Buat arwah abah,***

*tenanglahdi sana,*

*juga terima kasih*

*kerana meminjamkan semangatmu*

*untukku terus berjaya,*

*hanya kiriman Al- Fatihah sebagai pengubat rindu padamu.*

*Buat insan yang sentiasa berada di sisi,*

***Mohd Aiman,***

*terima kasih di atas segala sokongan dan doronganmu*

*yang tidak pernah mengenal erti jemu.*

***Buat rakan seperjuangan,***

*sesungguhnya kalianlah teman yang menjadi sumber inspirasi buatku.*



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai mematuhi syarat keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Mohd Sharifudin Yusop, Ph.D**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Raja Masittah Raja Ariffin, Ph.D**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli Jawatankuasa)

.....  
**BUJANG KIM HUAT, PhD**  
Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya mengakui bahawa :

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbas dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: .....

Tarikh : 17. Ogos. 2015

Nama dan No. Matrik: Aida Rohayu Binti Azmi, GS 31410

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan :**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: .....

Nama Pengerusi  
Jawatankuasa Penyeliaan: .....

Tandatangan: .....

Nama Ahli  
Jawatankuasa Penyeliaan: .....

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>iv</b>
<b>PERAKUAN</b>	<b>v</b>
<b>JADUAL KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL</b>	<b>xiii</b>

### **BAB**

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masyarakat Orang Asli	3
	1.3 Penyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Kepentingan Kajian	7
	1.6 Batasan Kajian	8
	1.7 Definisi Operasional	8
	1.7.1 Bahasa	8
	1.7.2 Orang Asli	9
	1.7.3 Semelai	11
	1.7.4 Fonologi	11
	1.7.5 Leksikal	12
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>14</b>
	2.1 Pengenalan	14
	2.2 Kajian Berkaitan Orang Asli Semelai	14
	2.3 Kajian Bahasa Berdasarkan Aspek Fonologi	15
	2.4 Kajian Bahasa Berdasarkan Aspek Leksikal	16
	2.5 Kajian Kebahasaan Yang Berkaitan	17
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>20</b>
	3.1 Pengenalan	20
	3.2 Reka Bentuk Kajian	20
	3.2.1 Pendekatan Etnografi	20
	3.2.2 Teori Analisis Kontrastif	22
	3.2.3 Teori Tipologi Keterancaman Bahasa	23
	3.2.4 Teori John Edward	24
	3.2.5 Teori Sasse	25

3.2.6	Leksikostatistik	26
3.3	Sampel Kajian	27
3.4	Tatacara Kajian	27
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	28
3.3.1	Kaedah Temubual	28
3.3.2	Kaedah Rakaman	29
3.3.3	Kaedah Pemerhatian	29
3.3.4	Kaedah Bercerita	30
3.3.5	Kaedah Lafaz	30
3.3.6	Kaedah Kepustakaan	30
3.3.7	Penganalisan Data	31
<b>4</b>	<b>ANALISIS DAN PERBINCANGAN</b>	<b>32</b>
4.1	Analisis Linguistik Bahasa Semelai	32
4.2	Aspek Fonologi Bahasa Semelai	32
4.2.1	Vokal Bahasa Semelai	32
4.2.2	Diftong Bahasa Semelai	33
4.2.3	Rangkap Vokal Bahasa Semelai	34
4.2.4	Fonem Konsonan Bahasa Semelai	34
4.3	Aspek Leksikal Bahasa Semelai	39
4.3.1	Keadaan Cuaca	39
4.3.2	Anggota Badan	39
4.3.3	Kata Panggilan Dalam Keluarga	40
4.3.4	Kata Sapaan	41
4.3.5	Flora dan Fauna	42
4.3.6	Peralatan dan Perkakasan Rumah	44
4.3.7	Pakaian dan Perhiasan	45
4.3.8	Bahagian Pokok	46
4.3.9	Aspek Masa dan Bilangan	47
4.4	Menganalisis Kekerabatan Bahasa Semelai dan Bahasa Melayu	47
4.5	Data Analisis Latar Belakang Responden Orang Asli Semelai	53
4.5.1	Jantina	54
4.5.2	Kelompok Usia	56
4.5.3	Tempat Kelahiran	57
4.5.4	Keturunan Ibu Bapa	58
4.5.5	Taraf Pendidikan	58
4.5.6	Taraf Pekerjaan	59
4.5.7	Taraf Perkahwinan	60
4.5.8	Kebolehan Berbahasa	60
4.6	Tahap Penggunaan Bahasa Semelai	62
4.7	Penggunaan Bahasa Semelai Berdasarkan Mandala Kekeluargaan	62
4.7.1	Perbualan dengan Ibu	63
4.7.2	Perbualan dengan Bapa	64
4.7.3	Perbualan dengan Adik Beradik	64
4.7.4	Perbualan dengan Datuk dan Nenek	65
4.7.5	Perbualan dengan Saudara Mara	66

4.8 Penggunaan Bahasa Semelai Berdasarkan Mandala Kemasyarakatan	67
4.8.1 Perbualan dengan Rakan	67
4.8.2 Perbualan dengan Jiran	67
4.8.3 Perbualan dengan Masyarakat Luar	68
4.9 Perbualan dalam Pelbagai Situasi	69
4.9.1 Pemilihan Bahasa Ketika Bertegur Sapa	69
4.9.2 Pemilihan Bahasa Ketika Berjual Beli	70
4.9.3 Pemilihan Bahasa Ketika Bermain	71
4.9.4 Pemilihan Bahasa Ketika Berada di Majlis Adat	72
4.9.5 Pemilihan Bahasa Ketika Menyanyi	72
4.9.6 Pemilihan Bahasa Ketika Mengira	73
4.9.7 Pemilihan Bahasa Ketika Berjenaka	74
4.9.8 Pemilihan Bahasa Ketika Memarahi Seseorang	75
4.9.9 Pemilihan Bahasa Ketika Menyatakan Perasaan Sayang	75
4.9.10 Pemilihan Bahasa Ketika Berfikir	76
4.9.11 Pemilihan Bahasa Ketika Berbincang Secara Serius	77
4.10 Kesimpulan	78
<b>5 RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>79</b>
5.1 Pengenalan	79
5.2 Teori yang Diaplikasikan dalam Kajian	79
5.3 Aspek Fonologi dan Leksikal Bahasa Semelai	80
5.4 Keekerabatan Bahasa Semelai	80
5.5 Gejala Penggunaan Bahasa	81
5.6 Cadangan	82
5.6.1 Kerajaan	82
5.6.2 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	82
5.6.3 Media Massa dan Elektronik	83
5.6.4 Universiti dan Kolej	83
5.6.5 Masyarakat Orang Asli	83
5.7 Cadangan Kajian Lanjutan	83
5.8 Penutup	84
<b>RUJUKAN</b>	<b>85</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>89</b>
<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>105</b>
<b>PENERBITAN</b>	<b>106</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
1.1 Kategori Rumpun Bahasa dan Suku Kaum Orang Asli	9
1.2 Jumlah Penduduk Orang Asli Mengikut Suku Kaum, Tahun 2012	10
3.2.4 Kerangka Tipologi Bahasa Minoriti Edward (1992)	24
3.2.5 Model Teoritikal Bahasa Sasse (1992)	25
4.2 Kehadiran Fonem Vokal Bahasa Semelai	32
4.5 Kehadiran Fonem Konsonan Bahasa Semelai	35
4.24 Perbandingan Kosa Kata BM dan BS Berdasarkan Senarai Kata Swadesh	47
4.25 Jadual Tingkat Kekerabatan Bahasa	53
4.26 Latar Belakang Responden Penduduk Kampung Bukit Gemuruh	53

## SENARAI RAJAH

### Rajah

4.1 Inventori Vokal Bahasa Semelai

### Halaman

32



## SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

BS	Bahasa Semelai
OA	Orang Asli
BOAS	Bahasa Orang Asli Seletar
OAS	Orang Asli Semelai
%	Peratusan





## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bahasa merupakan salah satu faktor yang penting dalam kehidupan manusia. Selain memainkan fungsi sebagai wahana komunikasi, bahasa juga berperan untuk mencirikan identiti sesuatu bangsa. Menurut Asmah Haji Omar (1998), bahasa tidak dapat dipisahkan daripada individu yang menuturkannya. Sungguhpun kewujudan pertuturan itu merupakan hasil kegiatan seseorang individu namun bahasa tidak akan wujud dalam sesebuah masyarakat jika bahasa tersebut tidak digunakan oleh sekumpulan individu dalam hubungan sesama mereka.

Selain daripada yang telah dinyatakan, bahasa juga merupakan anugerah Allah SWT yang terawal dan merupakan kurniaan paling berharga dalam kehidupan manusia. Dalam sejarah juga membuktikan bahawa bahasa merupakan keperluan yang terawal dan utama dalam ibadat. Misalnya masyarakat purba dan primitif menggunakan bahasa yang mereka fahami untuk melakukan pemujaan terhadap tuhan yang mereka percayai.

Banyak dasar yang boleh dijadikan asas untuk mendefinisikan bahasa. Sesetengah orang mendefinisikan bahasa dengan melihat sudut fungsi bahasa itu sendiri. Bagi mereka, bahasa merupakan alat perhubungan atau komunikasi. Ahli psikologi pula mentakrifkan bahasa sebagai alat untuk menyatakan perasaan, pendapat, fikiran dan sebagainya. Manakala bagi ahli linguistik, definisi bahasa haruslah ditinjau dari sudut struktur dan fungsinya.

Menurut Zulkifley Ahmad (2007), bahasa merupakan alat yang digunakan oleh sesebuah komuniti sesama mereka untuk menyampaikan dan menerima maklumat. Oleh itu bahasa merupakan cerminan akal budi atau pemikiran. Adalah mustahil bagi sesebuah masyarakat untuk berkomunikasi tanpa menggunakan bahasa.

Walaupun bahasa dilihat sebagai elemen yang penting di dalam kehidupan manusia, sesuatu bahasa itu juga tidak dapat lari daripada mengalami ancaman kepupusan. Menurut Asmah Haji Omar (1998), bahasa tidak dapat dipisahkan daripada orang yang menuturkannya. Sungguhpun kewujudan pertuturan itu hasil kegiatan seseorang sebagai individu, tetapi bahasa tidak wujud dalam sesebuah masyarakat jika tidak digunakan oleh sekumpulan individu dalam hubungan mereka antara satu sama lain.

Penjelasan ini membawa maksud bahawa sesuatu bahasa hidup kerana hidupnya manusia dan matinya bahasa juga kerana matinya manusia. Oleh itu bahasa tidak akan wujud tanpa manusia sebagai penutur dan pengamalannya. Hal ini pasti menyebabkan bahasa tidak mampu bertahan dan bertakat.

Mohd Sharifudin Yusop (2013), memetik pendapat Campbell dan Muntzel (1989) yang menggariskan empat jenis kematian bahasa iaitu kematian secara tiba-tiba, kematian secara radikal, kematian secara beransur-ansur dan akhir sekali kematian secara *bottom-to-top*. Kematian secara tiba-tiba berlaku apabila kesemua penutur sesuatu bahasa itu

mati akibat wabak penyakit, peperangan atau bencana alam yang berlaku secara tiba-tiba. Trudgill (1974) menggunakan istilah yang berlainan iaitu pembunuhan bahasa bagi satu kejadian yang berlaku di Tasmania, di mana seluruh penduduk pulau tersebut telah dibunuh.

Kematian secara radikal pula berlaku lebih perlahan daripada kematian bahasa secara tiba-tiba. Keadaan ini selalunya berlaku dalam situasi peperangan dan penjajahan politik yang memakan masa yang agak panjang. Dalam situasi seperti ini, tekanan politik penjajah boleh mengakibatkan bangsa yang dijajah meninggalkan bahasa ibunda mereka dan sebaliknya berusaha secara paksa atau sukarela untuk menguasai bahasa penjajah supaya dapat hidup dalam keadaan yang lebih selamat.

Mohd Sharifudin Yusop (2013), memetik pendapat Campbell dan Muntzel (1989) yang memberikan dua bahasa di El Salvador sebagai contoh iaitu bahasa Lenca dan bahasa Cacaopera. Penutur daripada kedua-dua bahasa ini ditangkap dan dibunuh secara berterusan kerana mereka dianggap sebagai pemberontak oleh kerajaan komunis di El Salvador. Untuk menyelamatkan diri, penutur daripada kedua-dua bahasa itu mengelak daripada menggunakan bahasa ibunda mereka.

Kebanyakan proses kematian bahasa berlaku secara beransur-ansur. Hal ini sering berlaku dalam situasi pertembungan budaya antara kelompok-kelompok masyarakat bahasa. Selalunya proses ini dimulai dengan aktiviti pinjam-meminjam perkataan, diikuti dengan penganjakan bahasa dan apabila sampai ke suatu tahap yang memperlihatkan konflik kepentingan berlaku, salah satu bahasa akan menjadi dominan dan menguasai generasi pewaris kedua-dua bahasa yang bertembung itu. Pada masa yang sama, bahasa yang satu lagi akan mengalami obsolesensi dan akhirnya pupus. Bagi jenis kematian bahasa sebegini, dua set angkubah dapat dilihat sebagai penyebab kematian bahasa. Pertama ialah angkubah-angkubah sosial yang muncul sewaktu pergeseran bahasa berlaku. Misalnya, masyarakat bahasa yang mendominasi bahasa minoriti akan melaksanakan dasar-dasar sosial merangkumi pendidikan, ekonomi dan politik yang secocok dengan kepentingan dan martabat mereka. Manakala set angkubah kedua dapat dilihat dalam kematian bahasa secara beransur-ansur ialah gejala-gejala perubahan struktur bahasa yang terancam. Aspek bahasa yang akan hilang terlebih dahulu ialah leksikon. Hal ini berlaku apabila penutur bahasa minoriti membuang terus kosa kata asalnya ataupun kosa kata itu sendiri mengalami proses perubahan makna. Ini diikuti oleh perubahan membabitkan morfem dan fonem.

Melalui laman sesawang ensiklopedia bebas iaitu *Wikipedia*, kepupusan bahasa atau kematian bahasa ialah proses kemerosotan kefasihan sesebuah bahasa atau loghat dalam kalangan para penuturnya. Sesebuah bahasa pupus sepenuhnya apabila tiada lagi penuturnya yang masih wujud dalam sesebuah masyarakat yang pernah menggunakan bahasa tersebut (iaitu lenyapnya semua penutur asli). Mana-mana bahasa atau loghat boleh mengalami ancaman kepupusan.

Mandala kekeluargaan dan keagamaan selalu menjadi batasan penyelamat terakhir sesuatu bahasa. Kedua-dua mandala ini memiliki unsur kejeleketan bagi membantu sesuatu bahasa itu terus digunakan oleh anggota keluarga dan penganut agama dalam situasi-situasi tertentu.

Isu tentang kematian dan kepupusan bahasa perlu menjadi agenda perbincangan dan pengkajian oleh para sarjana bahasa agar kepupusan dan kematian bahasa tidak menjadi ancaman terhadap pelestarian tamadun sesebuah bangsa.

Kesimpulannya, bahasa merupakan alat yang digunakan oleh sesebuah komuniti masyarakat untuk berkomunikasi sesama mereka bagi tujuan menyampaikan dan menerima maklumat dalam kehidupan seharian. Setiap bahasa juga mempunyai kelebihan dan keistimewaan masing-masing yang dapat memberikan pengetahuan dan manfaat yang tersendiri kepada semua masyarakat. Seperti tumbuh-tumbuhan dan hidupan liar mengalami kepupusan, sesetengah bahasa juga mengalami masalah kepupusan. Bahasa yang terancam kepupusan adalah kerana tidak ada orang lagi yang bertutur dalam bahasa berkenaan atau orang berpindah penggunaan sesuatu bahasa kepada bahasa yang lain disebabkan arus globalisasi dan mengabaikan bahasa asal. Akhirnya, bahasa berkenaan akan pupus.

Menurut artikel Ismail Salleh yang dipetik dari majalah *Dewan Bahasa* (Mac 2012) proses kepupusan sesuatu bahasa akan berlaku selepas sesuatu bahasa itu hanya dituturkan oleh beberapa orang yang sudah lanjut usia. Generasi baharu tidak mempelajari dan mewarisi bahasa kaumnya lagi. Mereka langsung tidak mempedulikannya lagi, apatah lagi mahu menggunakannya. Generasi muda ini akan memilih bahasa utama negaranya yang menjadi bahasa perhubungan luas. Mungkin bahasa itu bertaraf bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi negara, merangkap bahasa pendidikan kebangsaan, dan bahasa kerja yang mempunyai nilai ekonomi. Sesuatu bahasa akan mati dengan sendiri apabila penutur jati (asli) bahasa berkenaan sudah tidak wujud lagi. Hal sedemikian rupa bertepatan dengan peribahasa Melayu "*hilang bahasa, lenyaplah bangsa*".

Dalam bahagian ini adalah penting untuk kita mengetengahkan tentang kehidupan masyarakat orang Asli di Semenanjung Malaysia dan seterusnya tumpuan akan dikhususkan kepada salah satu rumpun bangsa orang Asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia iaitu rumpun Melayu-Proto. Pendedahan tentang rumpun bangsa ini amat penting kerana ia berkait rapat dengan suku kaum yang akan dijadikan bahan utama untuk kajian dan penulisan seterusnya.

## **1.2 Latar Belakang Masyarakat Orang Asli**

Menurut Carey (1976), masyarakat orang Asli adalah penduduk awal di Semenanjung Malaysia dan telah tinggal di sini hampir 7,000 tahun lamanya. Kebanyakan daripada mereka berasal dari wilayah Khmer atau Kemboja. Penduduk awal ini menjadi pemburu dan pencari makanan yang tinggal di gua-gua batu. Mereka pandai menggunakan api dan memasak makanan. Dalam tempoh masa dua generasi, mereka hanya berpindah sejauh 200 kilometer. Manakala, bagi Melayu- Asli pula, kehadiran mereka agak terkemudian iaitu kira-kira 5,000 tahun yang lalu. Menurut kebanyakan sarjana, kumpulan masyarakat Melayu-Asli merupakan penghijrahan terakhir berbanding suku bangsa orang Asli yang lain. Mereka telah sampai ke Malaysia sekitar 5,000 tahun yang lalu.

Semasa Malaysia belum mencapai kemerdekaan, peristiwa pertama yang mengubah kehidupan masyarakat orang Asli ialah semasa pendudukan Jepun di Semenanjung Tanah Melayu (1941-1945). Semasa Perang Dunia Kedua pula, orang Asli sering dijadikan alat sebagai penghantar atau petunjuk arah oleh pihak Gerila Komunis dalam Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA), walaupun pada hakikatnya tiada

sebarang rekod yang menunjukkan peranan orang Asli di dalam usaha menentang pihak Jepun ketika itu. Manakala, berlangsungnya zaman darurat 1948-1960 ramai di kalangan orang Asli terlibat membantu pihak British dalam memerangi ancaman pihak komunis dengan menggunakan sumpitan beracun bagi membunuh musuh. Sebagai balasan orang Asli telah diberikan anugerah oleh pihak British.

Walau bagaimanapun, hakikatnya sejarah orang Asli juga dapat dilihat apabila orang Asli telah dikuasai oleh komunis yang bertujuan mengambil alih pemerintahan negara selepas berakhirnya penguasaan British di Malaya dan selepas Jepun dikalahkan. Semasa zaman darurat ini, masyarakat orang Asli terperangkap antara dua kumpulan bertentangan iaitu pengganas komunis dan pasukan keselamatan kerajaan. Nasib golongan ini mula menampakkan sedikit perubahan apabila ditubuhkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pada 1954.

Orang Asli adalah sebahagian daripada penduduk Malaysia. Mereka mendiami negara sejak beribu tahun yang lalu. Perjuangan hidup mereka melampaui zaman dan tempat. Orang Asli berjaya mengharungi segala keperitan dan cabaran semenjak dari mula penghijrahan mereka ke semenanjung ini sehingga ke zaman ini. Justeru, sebagai manusia terawal yang menduduki Tanah Semenanjung ini, sewajarnya mereka lebih ke hadapan daripada bangsa-bangsa lain di Malaysia. Tetapi apa yang terjadi ialah keadaan sebaliknya.

Orang asli boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Jumlah orang asli di semenanjung Malaysia sehingga Jun 1998 ialah seramai 107 212 orang iaitu kira-kira hanya 1 peratus daripada jumlah penduduk di negara ini. Mereka terdiri daripada 21 748 keluarga yang dibahagikan kepada 18 kumpulan etnik. Dari kumpulan Negrito terdapat suku kaum Kentaq, Kensiu, Jahai, Mendriq, Bateq dan Lanoh. Manakala kumpulan Senoi pula terdapat suku kaum Semai, Temiar, Che Wong, Jahut dan Mah Meri. Seterusnya dari kumpulan Melayu-Proto pula terdapat suku kaum Temuan, Semelai, Jakun dan Temoq, Orang Kanaq, Orang Seletar dan Orang Laut (Kuala).

Terdapat kekeliruan dan masalah untuk membezakan suku bangsa ini berdasarkan ciri-cirinya kerana mereka telah bercampur sama ada melalui perkahwinan atau penghijrahan. Menurut Carey (1976) :

*“This Tribe, the Semoq Beri, is of a very mixed origin racially and many of these people have the typical appearance of a Negrito, that is to say, they have wooly hair and a skin of a darker colour than that of the other Orang Asli... In terms of both language and material culture, the Semoq Beri are, nevertheless, much more like the Senoi than the Negrito, and for these reason they are usually regarded as a Senoi type of people”*  
(Carey, 1976:33)

Masyarakat orang asli boleh ditemui di seluruh semenanjung dan sempadan utara Malaysia-Thailand hingga ke Selat Johor di selatan tanah air. Kebanyakan daripada mereka tinggal di hutan belantara di kawasan banjaran titiwangsa yang mencapai ketinggian antara 2000-6000 kaki dari paras laut. Walau bagaimanapun, ramai juga daripada kalangan mereka yang tinggal di pinggir-pinggir kampung masyarakat Melayu di sepanjang pantai barat dan timur semenanjung. Terdapat juga beberapa kampung orang asli di persisiran pantai Selangor, Johor dan Pahang.

Mereka menjalankan aktiviti ekonomi masing-masing seperti memburu, mengumpul buah-buahan hutan, menangkap ikan dan bertani untuk menampung keperluan hidup mereka. Mohd Tap Salleh (1990) turut membincangkan dalam tesisnya yang bertajuk *“An Examination of Development Planning Among the Rural Orang Asli of West Malaysia”*, Bath University, dengan memetik bahawa :

*“The Orang Asli equally varied occupations and ways of life. The orang laut, Orang Seletar and Mah Meri, for example, live close to the coast and are mainly fisherman. Some Temuan, Jakun and Semai people have taken to permanent agriculture and now manage to their own rubber, oil palm or cocoa farms”*

Walaupun secara realitinya orang asli ini ketinggalan dari sudut teknologi moden dan miskin dari segi ekonomi, tetapi dari aspek seperti seni, budaya, bahasa dan kepercayaan yang wujud sejak berkurun lamanya, terdapat ciri-ciri kehidupan yang saling membantu di antara satu dengan lain dan rapat dengan alam semula jadi. Mereka boleh bertutur dalam dialek masing-masing. Orang asli mempunyai 18 jenis dialek bahasa. Setiap kumpulan etnik mempunyai bahasa pertuturan yang tersendiri. Bahasa yang dituturkan oleh setiap kaum tidak dapat difahami oleh suku-suku kaum yang lain sama ada mereka berasal daripada suku bangsa yang sama atau berlainan suku bangsa.

Kajian yang dilakukan oleh Skeat dan Blagden (1906) mengenai masyarakat orang Asli meliputi seluruh Semenanjung Tanah Melayu mengatakan bahawa bahasa-bahasa orang Asli terbahagi kepada 3 kelompok iaitu Semang, Sakai dan Jakun. Berdasarkan penelitian ini, Hunt (1952) memperincikan lagi pembahagian tersebut kepada 4 kelompok iaitu bahasa Negrito, bahasa Senoi, bahasa Jakun Semelai dan orang Asli, dan dialek Melayu Asli.

Akhirnya Benjamin (2009) menyimpulkan bahawa terdapat hanya 3 kelompok bahasa Orang Asli iaitu bahasa Asli Utara, Asli Tengah dan Asli Selatan. Bahasa Asli Utara dituturkan oleh suku-suku kaum dalam kategori suku bangsa Negrito, bahasa Asli Tengah dituturkan dalam kalangan suku-suku kaum kelompok Senoi dan bahasa Asli Selatan pula dituturkan oleh suku-suku kaum bangsa Melayu Proto. Pandangan inilah yang dipakai oleh JHEOA untuk mengkategorikan masyarakat Orang Asli tersebut keseluruhannya.

Whorf (1956), yang banyak mengkaji bahasa Orang Asli Amerika mengatakan bahawa ada kesejagatan dalam bahasa-bahasa orang asli walaupun pada zahirnya terdapat banyak perbezaan. Ada yang bersifat isolatif dan ada pula yang bersifat aglutatif manakala yang lain bersifat antara kedua-duanya.

Asmah Haji Omar (1998) membahagikan bahasa orang asli kepada dua golongan. Golongan pertama ialah bahasa-bahasa yang termasuk dalam rumpun Austroasia yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang erat dengan bahasa-bahasa dalam keluarga Mon-Khmer. Dalam golongan pertama ini, terdapat orang-orang Sakai, Semai, Jahut dan Semoq Beri. Kesemua suku kaum yang tersenarai itu adalah daripada suku bangsa Senoi. Golongan yang kedua pula terdiri daripada orang-orang Jakun, Temuan dan Belandas yang menuturkan bahasa yang tidak lain daripada bahasa Melayu. Dengan perkataan lain, apa yang dituturkan oleh bahasa suku mereka termasuk dalam rumpun Austronesia seperti dalam petikan berikut :

*“The Austroasiatic speakers of Malaysia are found only in peninsular Malaysia mainly in the highland of the Central Range... They are Negritos and Non-Negritos. It*

*was agreed that the Malaysian language of the Austroasiatic family be termed "Aslian". This term and the definition assigned to it automatically exclude the Jakun and the Belandas or Temuan groups, who are also aborigines but who belong to the Austronesian family as the language they speak is Malay or better known as Proto-Malay.*

Hasil daripada kajian sarjana-sarjana terdahulu menjelaskan bahawa pembahagian suku-suku bangsa ini dilakukan berdasarkan kelainan bahasa yang dituturkan oleh ketiga-tiga suku bangsa itu. Perbezaan ini disebabkan oleh masing-masing suku bangsa berasal dari wilayah-wilayah yang berbeza. Pembahagian ini juga dibuat berdasarkan rupa fizikal, asal usul, adat resam, sistem sosial dan lokasi penempatan masing-masing berbeza-beza antara satu sama lain

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Bahasa merupakan alat yang digunakan untuk berkomunikasi di antara seseorang dengan yang lain. Dalam erti kata yang lain, aktiviti komunikasi tidak mungkin akan wujud tanpa melibatkan bahasa.

Menurut David Crystal (2002), setiap dua minggu bahasa Orang Asli atau peribumi akan pupus. Keadaan ini menyebabkan 5500-6000 bahasa yang digunakan sekarang akan bergabung dengan bahasa Latin dan Yunani sebagai bahasa yang mati. Pernyataan ini merupakan sesuatu yang amat membimbangkan. Oleh itu, kematian atau kepunahan bahasa merupakan sesuatu yang amat malang berlaku kepada sesuatu bangsa.

Mohd Sharifudin Yusop (2013) turut melakukan kajian yang sama terhadap situasi ini dengan menggunakan istilah keusangan bahasa untuk membincangkan mengenai kepupusan dan kematian bahasa khususnya bahasa orang asli Duano dan Kanaq.

Justeru, daripada penelitian terhadap kajian-kajian lepas, didapati bahawa masih kurang pengkaji yang melakukan kajian kebahasaan berkaitan masyarakat orang asli. Apatah lagi jika dilihat kepada aspek fonologi dan leksikal bahasa orang asli khususnya suku semelai, memang masih tiada kajian seumpama ini yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Jika diperhatikan kajian-kajian yang lalu, pengkaji hanya memfokuskan kepada salah satu aspek sahaja sama ada fonologi atau leksikal, namun tidak kepada kedua-dua aspek sekali gus.

Berbalik kepada kajian yang berkaitan dengan orang asli semelai, kebanyakan pengkaji lebih memfokuskan kepada adat resam dan kepercayaan masyarakat orang asli tersebut. Malah amat tidak keterlaluan jika dikatakan masih tiada kajian bahasa orang asli semelai yang lebih menjurus kepada aspek kebahasaan yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Jadi bertitik tolak daripada kekurangan ini, maka kajian berkenaan aspek fonologi dan leksikal ini dilakukan.

## 1.4 Objektif Kajian

Sesuatu kajian yang dilakukan harus mempunyai matlamat atau objektif tersendiri yang ingin dicapai. Oleh yang demikian, kajian yang dilakukan ini mempunyai tiga objektif yang utama yang perlu dicapai di akhir kajian iaitu :

- i) Menjelaskan aspek fonologi dan leksikal bahasa orang Asli Semelai.
- ii) Mencerakinkan kekerabatan bahasa Semelai berbanding dengan bahasa Melayu.
- iii) Menilai tahap bahasa Semelai berdasarkan gejala penggunaannya.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kepunahan atau kematian bahasa yang dialami oleh suku kaum bukan kerana bahasa itu hilang atau lenyap daripada lingkungan peradaban tetapi kerana sikap para penutur yang meninggalkannya dan berlaku pergeseran dengan bahasa lain yang dianggap lebih menguntungkan dari segi ekonomi, sosial, politik dan tuntutan kehidupan. Peranan pihak kementerian yang berkaitan amatlah diperlukan dalam memastikan bahasa ini terus kekal dan lestari.

Kajian tentang bahasa orang asli suku kaum Semelai ini merupakan kajian terawal yang dilakukan kerana setakat ini masih belum ada kajian ilmiah khususnya kajian kebahasaan dilakukan terhadap bahasa ini. Orang Asli Semelai merupakan suku kaum yang ketiga besar dalam rumpun Melayu-Proto selepas Temuan dan Jakun. Suku Orang Asli Melayu-Proto dapat dipecahkan kepada tujuh suku kecil iaitu Jakun di Johor dan Pahang; Kanaq, Orang Laut, dan Orang Seletar di Johor; Semelai di Negeri Sembilan dan Pahang; Temoq di Pahang dan Temuan di Johor, Melaka, Pahang, Negeri Sembilan dan Selangor.

Kedatangan orang asli Semelai ke negara ini tidak dapat dipastikan dengan tepat. Ramai orang Semelai percaya bahawa nenek moyang mereka berasal dari Sumatera. Taburan penempatan Orang Asli Semelai terdapat di Pahang Tengah seperti di Tasik Bera, Sungai Bera, Sungai Teriang, Paya Besar dan Paya Badak serta di sempadan Pahang menghala ke Negeri Sembilan seperti di Sungai Serting, Sungai Lui dan Ulu Muar. Dari segi rupa dan bentuk fizikal, Orang Asli Semelai ini tidak banyak bezanya dengan orang Melayu.

Maka hasil dapatan kajian yang dilakukan terhadap bahasa orang asli suku kaum Semelai ini amat penting dalam proses pendokumentasian bahasa yang merupakan khazanah bangsa yang begitu tinggi nilainya kerana menjadi perakam terpenting terhadap sesuatu peradaban atau tamadun bangsa agar terus terpelihara dan diberi perhatian.

Pengkaji berpendapat bahawa kajian fonologi dan leksikal bahasa orang asli Semelai ini amat berguna bukan sahaja kepada ahli-ahli linguistik, ahli akademik dan golongan pelajar tetapi juga boleh dimanfaatkan oleh para penterjemah dan para pembaca seluruhnya. Hasil kajian ini kelak akan dapat dijadikan sebagai satu mekanisme untuk mengumpul khazanah dan data leksikal bahasa orang asli yang mungkin satu hari nanti akan mengalami kepupusan akibat daripada arus pemodenan yang begitu pesat. Hal ini sudah tentu akan merugikan generasi orang asli suku itu sendiri. Selain itu, hasil kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan asas kepada pengkaji-pengkaji lain yang ingin melakukan penyelidikan berkaitan bahasa orang asli dari pelbagai suku di samping membantu para guru untuk menyampaikan ilmu kepada kalangan pelajar orang asli dengan lebih berkesan.

Seterusnya kajian ini akan dapat menambahkan lagi bahan-bahan yang berkaitan dengan pengkajian terhadap bahasa dan pemikiran orang asli yang ternyata masih kurang bilangannya.

## **1.6 Batasan Kajian**

Pengkaji membataskan kajian yang dilakukan ini hanya berdasarkan aspek fonologi dan leksikal bahasa orang asli semelai. Pengkaji menggunakan senarai kata Swadesh dan senarai jadual bertema yang dikelaskan kepada tema-tema seperti flora dan fauna, cuaca, kata panggilan dalam keluarga serta kata sapaan. Senarai kata Swadesh dan senarai jadual bertema dijadikan sebagai subjek kajian untuk mengkaji aspek fonologi dan leksikal bahasa orang asli ini.

Kajian ini juga hanya dibataskan kepada orang asli suku semelai sahaja iaitu yang tinggal di Kampung Bukit Gemuruh, Bera, Pahang di mana informan terdiri daripada penutur natif suku kaum tersebut.

## **1.7 Definisi Operasional**

### **1.7.1 Bahasa**

Asas kepada kehidupan seseorang manusia adalah kebolehan berbahasa. Pada dasarnya, bahasa merupakan urutan bunyi-bunyi bersistem yang dihasilkan oleh alat-alat artikulasi. Bunyi tersebut dikenali sebagai bunyi bahasa yang menjadi asas kepada bentuk bahasa lisan. Oleh itu, bunyi-bunyi bahasa menjadi suatu sistem lambang-lambang pertuturan yang arbitrari digunakan oleh masyarakat untuk berhubung dan bekerjasama.

Seterusnya, Hassan Ahmad (2009), secara intrinsiknya menjelaskan ungkapan bahasa menunjukkan bangsa dan pupus bahasa maka akan pupuslah bangsa. Sesuatu bangsa dapat dikenali melalui bahasanya. Pentingnya bahasa sesebuah etnik mempunyai perkaitan yang begitu rapat dengan pelestarian sesebuah budaya. Bahasa merupakan alat yang paling tepat untuk mengenali sesuatu bahasa kerana bahasa bukan sekadar menjadi alat komunikasi utama manusia tetapi juga sebagai lambang identiti khusus sesuatu kelompok etnik. Melalui bahasa, kebudayaan sesuatu bangsa dapat dikembangkan, dibina dan diwariskan kepada generasi berikutnya.

Bagi Sarjana barat seperti Giglioli (1990), beliau menjelaskan bahawa persaingan yang terjadi antara bahasa peribumi, bahasa kebangsaan dan bahasa asing menjadikan kekhawatiran punahnya sesuatu bahasa bukan sesuatu yang berbentuk andaian atau tanggapan. Hal ini pula selaras dengan pendapat Mohd Sharifudin Yusop (2013), yang menyifatkan bahawa kekebalan jati diri manusia yang sentiasa berhadapan dengan ancaman dan perubahan ialah bahasa. Ungkapan bahasa menunjukkan bangsa terpakai untuk semua masyarakat, selagi bahasa berperanan sebagai medium perhubungan yang mutlak. Bahasa mempunyai penyebaran yang luas, mengandungi item-item yang lebih banyak serta memiliki prestij yang lebih tinggi berbanding dialek. Dapat disimpulkan bahawa bahasa merupakan suatu sistem yang kompleks yang berfungsi sebagai alat untuk berinteraksi.



### 1.7.2 Orang Asli

Di semenanjung Malaysia, orang asli merupakan etnik peribumi yang mendiami kawasan pedalaman, hulu sungai, pinggir hutan, dalam hutan dan persisiran pantai. Nicholas (2000) menyatakan orang asli bermaksud 'tulen' atau 'masyarakat pertama' yang mendiami semenanjung Tanah Melayu. Hal yang sama turut dipersetujui oleh Khairul Hisyam Kamarudin dan Ibrahim Ngah (2007) yang menjelaskan bahawa orang asli ialah penduduk terawal yang mendiami semenanjung tanah Melayu, kira-kira 5000 tahun yang lalu.

Menurut Carey (1976), mentakrif bahawa 'asli' adalah dari perkataan Arab iaitu Asali atau Original. Semasa pemerintahan British, Orang Asli di panggil Sakai, manakala orang Inggeris memanggil masyarakat Orang Asli sebagai Aborigines.

Asmat Ahmad (1996) telah memetik pendapat daripada Hood Salleh, "*orang asli merangkumi komuniti yang terdiri daripada pelbagai peribumi yang mendalami Semenanjung Malaysia selama beberapa ribu tahun*". Orang Asli dibahagikan kepada 18 suku kaum dan menggunakan 12 bahasa yang berbeza. Suku kaum tersebut dibahagikan kepada tiga kumpulan terbesar iaitu Negrito, Senoi, Melayu Proto. Beliau juga telah mengambil pandangan Bababron (1972) yang menyatakan Orang Asli sebagai "*...a category indigeneous ethnic minorities...*" Orang Asli diakui sebagai komuniti peribumi yang terawal yang menduduki Semenanjung Tanah Melayu.

**Jadual 1.1 : Kategori Rumpun Bahasa dan Suku Kaum Orang Asli**

Suku Bangsa	Suku Kaum	Lokasi Petempatan
Negrito	Kintak Kensiu Jahai Mendriq Bateq Lanoh	Kedah, Perak, Kelantan dan Pahang. Mereka juga terdapat di Selatan Thailand
Senoi	Temiar Semai Che Wong Jahut Semoq Beri Mahmeri	Kelantan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu
Melayu Proto	Temuan Semelai Jakun Orang Kanaq Orang Seletar Orang Kuala	Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang

Sumber: Jaringan Orang Asli Se-Malaysia (JOAS) 2008.

Menurut Ramlee Abdullah (2008) pula, masyarakat Orang Asli adalah sebahagian daripada masyarakat Malaysia yang tersebar di seluruh Semenanjung Malaysia kecuali di Perlis dan Pulau Pinang. Misalnya kelompok Negrito mendiami kawasan utara dan juga di bahagian tengah Semenanjung Malaysia. Begitu juga dengan kelompok Senoi pula berada di kawasan utara, pantai timur dan tengah Semenanjung Malaysia (JHEOA,

2008).Seterusnya kelompok Melayu-Proto pula didapati mendiami kawasan pantai barat dan selatan serta juga di bahagian tengah Semenanjung.Ditinjau dari segi bilangan pula, secara amnya, kelompok Negrito merupakan kelompok orang Asli yang paling kecil jumlahnya.Manakala kelompok Senoi pula merupakan kelompok yang terbesar dan diikuti oleh kelompok Melayu-Proto. Dari segi bahasa pula, kelompok Negrito dan Senoi termasuk dalam rumpun Austroasia, manakala kelompok Melayu-Proto pula sama seperti Bahasa Melayu, tergolong dalam rumpun Austronesia.

**Jadual 1.2 : Jumlah Penduduk Orang Asli Mengikut Suku Kaum Tahun 2012**

Kategori	Suku Kaum	Jumlah
Negrito	Batek Jahai Kintak Kensiu Lanoh Menderik	5,009
Senoi	Che Wong Jahut Mahmeri Semai Semok Beri Temiar	97,856
Proto	Jakun Orang Kanak Orang Kuala Orang Seletar Semelai Temuan	75,332

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, 2012

Berdasarkan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) di bawah Aboriginal Peoples Ordinance No. 3, 1954 yang telah dipinda pada tahun 1974, penetapan istilah dan kelayakan untuk dikatakan sebagai komuniti Orang Asli telah dijelaskan dengan terperinci. Berdasarkan Seksyen 3 dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), Orang Asli ditakrifkan seperti yang berikut:

- i) Mana-mana orang yang bapanya adalah seorang dari kumpulan bangsa orang Asli, yang bercakap dalam bahasa orang Asli dan lazim mengikut cara hidup orang Asli dan adat serta kepercayaan orang Asli, dan tidak termasuk seseorang keturunan melalui lelaki itu.
- ii) Mana-mana orang atau apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak orang Asli, lazim bercakap mengikut cara orang Asli dan adat dan kepercayaan orang Asli dan adalah seseorang dari sesuatu masyarakat orang Asli atau
- iii) Anak dari apa-apa persatuan antara seorang perempuan orang Asli dengan seseorang lelaki dari sesuatu kaum lain dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa orang Asli, dan kepercayaan orang Asli dan masih lagi jadi seseorang dari sesuatu masyarakat orang asli.
- iv) Mana-mana orang Asli yang tidak lagi berpegang kepada kepercayaan orang Asli oleh kerana ia telah masuk sesuatu agama atau kerana apa-apa sebab lain,

tetapi ia masih mengikut cara hidup orang Asli dan adat orang Asli atau bercakap dengan bahasa orang Asli tidak boleh ditafsirkan sebagai tidak lagi menjadi seorang orang Asli semata-mata oleh sebab ia mengamalkan agama itu.

- v) Apa-apa soal sama ada seseorang adalah seseorang Asli atau bukan orang Asli diputuskan oleh Menteri.

### 1.7.3 Semelai

Asal-usul kaum Semelai ini dikatakan wujud hasil gabungan dua pasangan bersaudara dari kelompok suku Temoq dan Semaq Beri yang terselamat daripada serangan buas seekor harimau yang digelar Petaling Juntai. Dua saudara lelaki Temoq (Sitam dan Siler) serta dua adik-beradik wanita Semaq Beri (Itang dan Iler) ditakdirkan bertemu ketika kedua-dua bersaudara itu bersembunyi daripada serangan Petaling Juntai di pondok sebuah kampung pinggir Sungai Serting. Namun, kedua pasangan adik-beradik berkenaan kemudian mengahwini satu sama lain dan hidup berkeluarga setelah mereka berjaya memerangkap dan membunuh Petaling Juntai.

Dari situ, wujudlah kelompok suku kaum Semelai yang hidup mereka kini tinggal bertaburan di sekitar kawasan Tasik Bera dalam daerah Temerloh di Pahang, yang jauh tersisih dari pembangunan dan kemajuan moden.

Mengikut perangkaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) pula, kaum Semelai kini berjumlah sekitar 1,260 orang yang melibatkan 238 keluarga. Program Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) yang dikendalikan oleh JHEOA bagaimanapun telah menghimpunkan mereka dalam satu kawasan khas dalam zon penempatan dan perlindungan Orang Asli di bawah projek Pengurusan Bersepadu Tasik Bera kelolaan kerajaan negeri Pahang melalui perunding profesional dari Wetlands International. Sementara itu kemahiran kaum Semelai terhadap selok-belok laluan Tasik Bera pula memberi tugas penting sebagai jurupandu melalui penyediaan perkhidmatan bot berkuasa rendah untuk membawa pelancong menikmati kesegaran tasik.

Selain itu, kekayaan budaya tradisi Semelai juga turut menjadi agenda untuk mencorakkan kehidupan baru selaras dengan perkembangan Tasik Bera sebagai salah satu pusat kegiatan eko-pelancongan setempat.

Amalan adat perpatih dengan melakukan tradisi berkhatan ke atas kaum lelaki sebagaimana masyarakat Melayu antara salah satu keunikan Semelai selain pelbagai seni budaya lain. Kini terdapat lima buah perkampungan Semelai di Tasik Bera iaitu Kampung Putat, Baapak, Gau, Jelawat dan Lengut atau Kuin yang mula menerima kemasukan arus kemajuan pembangunan.

### 1.7.4 Fonologi

Bidang fonologi adalah bidang yang mengkaji salah satu daripada aspek yang terpenting di dalam bahasa, iaitu bunyi. Bidang ini disebut juga oleh kebanyakan orang sebagai bidang fonetik. Tetapi sebenarnya di antara fonetik dan fonologi terdapat sedikit perbezaan. Bidang fonetik mengkaji fenomena bunyi atau pertuturan manusia sejagat (*the study of speech as a universal human phenomenon*) sementara bidang fonologi mengkaji

sistem bunyi-bunyi yang tertentu (*selected speech sound*) dalam pertuturan, khusus bagi sesuatu bahasa.

Hartmann dan Stork (1973) mengemukakan takrif fonologi sebagai:

*“The study of speech sounds of given language and their function within the sound system of the language. In contemporary usage the term covers not only the field of phonemics but also the study of sound change in the history of a given language.”*

Kamus Linguistik (1993) mendefinisikan fonologi sebagai cabang linguistik yang mengkaji bunyi bahasa dan fungsinya dalam sistem bunyi bahasa tersebut. Bunyi bahasa disusun dalam satu sistem bezaan, dan kemudian dianalisis dari segi fonem, fitur distingtif atau unit fonologi yang lain, sesuai dengan teori yang digunakan. Bidang ini bertujuan untuk menunjukkan pola bunyi distingtif di dalam sesuatu bahasa.

Manakala, fonologi menurut Frank Parker (1994), berasal dari perkataan *phone* dalam bahasa Greek yang bermaksud suara iaitu merujuk kepada suara manusia iaitu bunyi-bunyi yang dikeluarkan oleh alat-alat artikulasi. Manakala bagi David Crystal (1985) berpendapat fonologi adalah satu cabang ilmu linguistik yang mengkaji sistem bunyi sesuatu bahasa.

Secara kesimpulannya, fonologi merupakan satu komponen bahasa yang mengkaji aspek terpenting dalam bahasa, iaitu bunyi. Biasanya, fonologi menumpukan kajiannya terhadap sistem bunyi-bunyi bahasa dalam pertuturan. Fonologi juga cuba untuk menghuraikan kejadian-kejadian perubahan bahasa apabila morfem digabungkan dalam proses pembentukan ayat sesuatu bahasa.

### **1.7.5 Leksikal**

Asmah Haji Omar (1984), mentakrifkan leksikon sebagai kata-kata yang ada padanya makna yang tidak disyaratkan oleh struktur. Sebahagian besar dari kata sempurna adalah leksikon. Kata-kata leksikon ini diberi makna yang penuh dalam kamus. Beliau juga mengatakan kata-kata leksikon merupakan kata yang memasuki sistem terbuka dan tidak stabil. Pertembungan budaya satu masyarakat lain akan menyebabkan berlakunya asimilasi terhadap perbendaharaan kata sesuatu bahasa. Ini berlaku kerana wujudnya unsur-unsur permintaan atau penyesuaian baik dalam bahasa itu sendiri mahupun dari luar. Oleh kerana sifat keterbukaannya, beliau membahagikan perbendaharaan kata atau leksikon kepada dua jenis, iaitu:

- i) Perbendaharaan kata istilah
- ii) Perbendaharaan kata biasa

Perbendaharaan kata istilah ialah perbendaharaan kata yang dicipta oleh ahli-ahli dalam bidang tertentu dan edaran kata-kata tersebut hanya terbatas yang kini terhad kepada ilmu-ilmu atau bidang tertentu sahaja. Sementara perbendaharaan kata biasa adalah perbendaharaan kata yang biasa digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Penyebaran perbendaharaan kata ini tidak terbatas hanya kepada bidang tertentu malah ia merupakan milik semua orang.

Menurut Hartmann dan Stork (1973), leksikon ialah kumpulan perbendaharaan kata atau unsur teknikal dalam satu bahasa dari kepelbagaian bahasa. Pengumpulan leksikon ini disusun dalam bentuk kamus atau disenaraikan dalam bidang tertentu dengan jelasnya.

Berdasarkan definisi di atas, jelaslah menunjukkan bahawa aspek leksikal merupakan kosa kata sesuatu bahasa yang mempunyai maknanya yang tersendiri dan difahami oleh masyarakat yang menuturkannya. Menurut Bloomfield (1935), secara umumnya leksikal merupakan asas dalam pembentukan kata bagi sesuatu bahasa dan sentiasa berubah mengikut perubahan zaman.



## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1969). *"Morfologi-Fonologi Bahasa Orang Asli Dialek Temuan"*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (1993). *"Bahasa Kiasan"* di dalam Jurnal Dewan Bahasa. Jilid 37 (10), pp.907-913.
- Adi Yasran Abdul Aziz. (2005). *'Aspek Fonologi Dialek Kelantan: Satu Analisis Teori Optimaliti'*. Universiti Putra Malaysia.
- Ajid Che Kob. (1977). *Dialek Geografi Pasir Mas*. Monograf 3, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- AR Raddiffe-Brown. (1980). *Struktur dan Fungsi Dalam Masyarakat Primitif*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1984). *Bahasa dan Strategi Komunikasi, Kertas Kerja yang dibentangkan dalam bengkel penggunaan Bahasa Melayu dalam pengiklanan, di Dewan Bahasa dan Pustaka.*
- Asmah Haji Omar. (1998). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2006). *Kaedah Penyelidikan Di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Awang Mataim Bakar. (1993). *Fonologi Dialek Melayu: Satu Analisis Berdasarkan Teori Standard Fonologi Generatif*. Ijazah Sarjana Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bailey, D. (1965). *Essays on Rhetoric*. Oxford : Oxford University Press.
- ABenjamin. (terj. Shin Imai). (2009). *Indigenous People and The Law : Comparative and Cultural Perspectives*. Osgood Readers.
- Benjamin, Geoffrey and Cynthia Chou, eds. (2002). *Tribal Communities in the Malay World : Historical, Cultural and Social Perspectives*. Leiden : International Institute for Asian Studies ; Singapore : Institute of Southeast Asian Studies.
- Bloomfield, L. (1935). *Language*. New York : Holt, Rinehart and Winston.
- Brown dan Yules. (1989). *Discourses Analysis*. Cambridge : Cambridge University Press.
- Carey. (1976). *Orang Asli : The Aboriginal Tribe of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur : Oxford University Press.
- Chaiyanora, Paitoon Masmindra. (1983) *Dialek Melayu Pattani Bahasa Malaysia: Satu Kajian Perbandingan Dari Segi Fonologi, Morfologi Dan Sintaksis*. Universiti Malaya.
- Chambers, J.K & Trudgill, p. Terj. (1990). *Dialektologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Radziah Mezah. (2006). *'Analisis Kesilapan Leksikal Dalam Karangan Bahasa Arab'*. Universiti Putra Malaysia.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan. KAEDAH DAN STATISTIK PENYELIDIKAN BUKU 2*. Malaysia: McGraw-Hill.
- Collins, J.T. (1983). *"Dialek Pahang : Rangka Pengenalan"*. Dewan Bahasa. 27(1) : 99-118.
- Creswell. (2005). *Educational Research : Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Singapore: Pearson Merrill Prentice Hall.
- David Crystal. (2002). *Language Death*. Cambridge University Press.
- Dentan, Robert K. (1979). *The Semai : A Nonviolent People of Malaya*. New York : Holt, Rinehart and Winston.

- Dentan, Robert K. (1997). *Malaysia and the Original People : A Case Study of The Impact of Development on Indigenous Peoples*. Needham Heights, MA : Allyn and Bacon.
- Frank Parker (terj. Raja Rahawani Raja Mamat).(1994). *Linguistik untuk Bukan Ahli Linguistik*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gianno, Rosemary. (1990). *Semelai Culture and Resin Technology*. (Connecticut Academy of Arts and Sciences, Memoir 22) New Haven, CT.
- Giglioli. (1990). *The Media and Neo-Populism A Contemporary Comparative Analysis*.Greenwood Publishing Group : MPH.
- Harimurti Kridalaksana. (1982). *Kamus Linguistik*.Jakarta : PT Gramedia.
- Hartmann and Stork.(1972). *Dictionary of Language and Linguistics*.London:Applied Sciences.
- Hassan Ahmad. (2009). *Bahasa, Sastera. Buku Cetusan Fikiran Hassan Ahmad*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hoe Ban Seng. (2001). *Semelai Communities at Tasek Bera : A Study of the Structure of an Orang Asli Society*.(Edited by A.S Baer and Rosemary Gianno.) Subang Jaya : COAC Publications.
- Hunt A.W. (1952). *An Introduction To The Malayan Aborigines*. Kuala Lumpur Government Printers.
- Indirawati.(2006). *Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu*. PTS Publishing:Kuala Lumpur.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (2002).*Kehidupan, Budaya Dan Pantang Larang Orang Asli*. Kuala Lumpur : Penerbitan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (2011), *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli*. Kuala Lumpur.Penerbitan Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.
- Khairul Hisyam Kamarudin dan Ibrahim Ngah.(2007). *Pembangunan Mapan Orang Asli*. Penerbit UTM.
- James T. Collin. (1985). *'Dialek Melayu Di Kampung Landai Pahang: Menuju Penelitian Tatabahasa Di Kalangan Orang Asli'*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif Dan Kualitatif*. Shah Alam : Mcgraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2013). *Keterancaman Bahasa Orang Asli Duano Dan Kanaq*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2006). "Kelestarian Akar Melayu Global: Tinjauan Terhadap Bahasa Minoriti Orang Melayu Proto", Dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu 2006 : 2-23, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2007). *Keusangan Bahasa Orang Asli Melayu Proto: Kajian Sosiologi Bahasa Terhadap Dialek Kanaq Di Johor*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2011) *Daftar Kata Bahasa Melayu-Bahasa Orang Asli*. Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Mohd Tap Salleh. (1990). "An Examination of Development Planning Among the Rural Orang Asli of West Malaysia", Bath University.
- Nancy C. Dorian. (1989). *Investigating Obsolescence*. Cambridge University Press.
- Nicholas, Colin. (2000). *The Orang Asli and The Contest for Resources : Indigenous Politics,Development and Identity in Peninsular Malaysia*.Copenhagen : International Workgroup for Indigenous Affairs : Subang Jaya, Selangor : Centre for Orang Asli Concerns.
- Nor Hisham Osman. (1999). *Pemeliharaan Dan Penyisihan Bahasa: Kajian Kes*

- Terhadap Komuniti Miroriti Rajang-Tanjong. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.*
- Noriah Mohamed Dan Rohani Mohd Yusof. (2011). *Pengelompokan Leksikostatik Bahasa Peribumi Di Sarawak*. Penerbit Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.
- Noriah dan Meriam Abd Karim.(2005). “*Penggunaan Bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka*”. University Sains Malaysia.
- Raja Masittah.(2007). *Status Penggunaan Bahasa Melayu di Pulau Kokos, Australia*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Ramlee Abdullah. (2008). *Orang Asli dalam Arus Pembangunan Nasional di Terengganu. Isu. Transformasi dan Cabaran*. Malaysia : Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Siti Asiah Kancana Abdullah. (1999). “*Satu Kajian Kontrastif Sistem Fonologi Bahasa Thai dan Bahasa Malaysia*”. Universiti Malaya.
- Skeat & Blagden. (1906). *Pagan Races of The Malay Peninsula*. London:Mac Millan and Co.
- Trudgill. (1974). *Sociolinguistics : An Introduction*. Penguin, Harmondsworth.
- Wan Khairulhusna Bin Wan Mokhtar. (2011). “*Kelestarian Bahasa Orang Asli Bateq Dan Mah Meri Berdasarkan Aspek Fonologi dan Leksikal*”. Universiti Putra Malaysia.
- Whorf.(1956). *Language, Thought and Reality*. Cambridge MA:MIT Press.
- Zainal Abidin Bin Masleh.(2011). *Kajian Etnolinguistik Terhadap Kelestarian Bahasa Bhuket dan Bahasa Lahanan Di Daerah Belaga, Sarawak*. Universiti Putra Malaysia.
- Zainal Kling.(1996). “*Adat*”.Kuala Lumpur. Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Zaiton Binti Yazid. (1999). *Fonologi Dan Leksikal Bahasa Orang Asli Jahai: Satu Kajian Kes di Perkampungan Pos Sg Rual, Jeli Kelantan*. Akademik Pengajian Melayu.
- Zulkifley Ahmad. (2007). *Konsep Bahasa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

#### **Artikel dan Jurnal**

- Andaya, L.Y(2002). “*Orang Asli and The Melayu in The History of The Malay Peninsula*”, dlm *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*.Volume 75.Part 1 & 2.
- Dewan Bahasa. (2012, 5 Mac). *Fenomena Kepupusan Bahasa : Kedudukan Bahasa Melayu dan Masa Depan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hood Salleh.(1979). “*The Cultural Context of Semelai Trance*”, dlm *Federation Museums Journal*.Volume 24.Kuala Lumpur : Museum Department.
- Solheim, W.G (1980). “*Searching for the Origins of The Orang Asli*”, dlm *Federation Museums Journal*.Volume 25. Kuala Lumpur : Museums Department.



### **Sumber Internet**

<http://prospectjournal.org/2011/06/30/language-shift-and-revitalization-in-central-and-south-america-2/>.

Diakses pada 15 Januari 2012.

[http://en.wikipedia.org/wiki/Linguistic\\_relativity](http://en.wikipedia.org/wiki/Linguistic_relativity).

Diakses pada 15 Januari 2012.

[http://ms.wikipedia.org/wiki/Kepupusan\\_bahasa](http://ms.wikipedia.org/wiki/Kepupusan_bahasa).

Diakses pada 24 Mac 2015.

[www.jheoa.gov.my](http://www.jheoa.gov.my)

Diakses pada 13 Jun 2012.



© COPYRIGHT UPM